

20/01/2005

MCA-Ng

NG YEN YEN AKAN PERTAHAN JAWATAN KETUA WANITA MCA

KUALA LUMPUR, 20 Jan (Bernama) -- Ketua wanita MCA Datuk Dr Ng Yen Yen hari ini mengumumkan bahawa beliau akan mempertahankan jawatan nombor satu dalam sayap itu semasa pemilihan parti pada 19 Ogos ini.

"Saya akan mempertahankan jawatan itu... saya akan mempertahankan jawatan ketua wanita MCA," katanya kepada Bernama di sini, hari ini.

Dr Ng, yang juga Timbalan Menteri Kewangan ditanya sama ada beliau akan mempertahankan jawatan Ketua Wanita MCA selepas jawatankuasa pusat parti itu hari ini mengumumkan jadual pemilihannya.

Pemilihan bagi jawatan tertinggi Wanita MCA akan dijalankan semasa Mesyuarat Agung Tahunan (AGM) yang dijadualkan pada 19 Ogos, sehari sebelum AGM pada 20 Ogos.

Dr Ng ditemui pemberita selepas menghadiri mesyuarat jawatankuasa pusat selama tiga jam di Wisma MCA di sini, hari ini.

Pada pemilihan parti 1999, Dr Ng, yang bertanding buat pertama kali bagi jawatan tertinggi sayap Wanita itu menewaskan ketua wanita Selangor semasa itu, Datuk Paduka Dr Tan Yee Kew dengan majoriti 209 undi.

Tiga tahun kemudian, Dr Ng mengekalkan jawatan itu apabila pemilihan parti dijalankan pada 23 Jun 2002 tanpa sebarang pertandingan di bawah rancangan perdamaian yang diusahakan oleh bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad untuk menyelesaikan pertelagahan antara puak-puak dalam parti itu.

Bagaimanapun, dalam pemilihan akan datang, terdapat spekulasi bahawa Dr Tan, yang juga Timbalan Ketua Wanita MCA akan berebut jawatan itu sekali lagi.

Sehingga hari ini, Dr Tan, Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri masih belum membuat apa-apa pengumuman sama ada beliau akan bertanding merebut jawatan tertinggi pergerakan itu.

-- BERNAMA

AT YBK PR